

Menangani Isu Peningkatan Kos Sara Hidup Melalui Bajet 2018

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pembentangan bajet tahunan sentiasa dinanti kerana di dalamnya terdapat pengharapan segenap pihak. Antara lain, masyarakat umum berharap agar isu-isu berkaitan dengan keadaan ekonomi mereka mempunyai penyelesaian atau sekurang-kurangnya ditangani. Sudah tentu terdapat pelbagai isu berkaitan keadaan ekonomi masyarakat memerlukan penyelesaian. Namun isu utama yang sering diperkatakan sejak kebelakangan ini tidak lain adalah berkenaan peningkatan kos sara hidup.

Persoalannya, apakah penyelesaian yang boleh diambil melalui Bajet 2018 untuk sekurang-kurangnya menangani jika tidak dapat diselesaikan sepenuhnya isu peningkatan kos sara hidup? Untuk menjawab persoalan ini terlebih dahulu isu ini perlu difahami. Adakah isu ini benar? Jika benar apakah puncanya?

Secara ringkasnya, ramai yang akan mengaitkan peningkatan kos sara hidup dengan peningkatan harga barangan dan perkhidmatan. Ini tiada salahnya cuma ianya sebahagian dari gambaran. Untuk mendapat gambaran sepenuhnya, peningkatan harga barangan dan perkhidmatan perlu juga dibandingkan dengan peningkatan pendapatan. Jika peningkatan pendapatan melebihi peningkatan harga barangan dan perkhidmatan, isu peningkatan kos sara hidup tidak timbul, dan sebaliknya.

Dengan kata lain, kita perlu melihat kepada peningkatan pendapatan benar. Pendapatan benar adalah nilai yang telah mengambil kira faktor inflasi jika membuat bandingan untuk tahun-tahun yang berlainan. Jika pendapatan benar seseorang itu meningkat, maka ia semakin kaya. Oleh itu jika dia tidak mengubah corak perbelanjaannya, isu peningkatan kos sara hidup tidak timbul. Keadaan sebaliknya pula berlaku jika pendapatan benar seseorang itu menurun.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Terdapat dua statistik yang boleh dirujuk untuk mengkaji sama ada isu peningkatan kos sara hidup benar atau tidak, iaitu pendapatan isi rumah dan kadar inflasi. Kedua-dua statistik tersebut dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM). Pendapatan purata bulanan isi rumah rakyat Malaysia untuk tahun 2016 telah meningkat kepada RM6,958, berbanding dengan RM6,141 pada tahun 2014. Ini bermakna peningkatan pada kadar 6.2 peratus setahun.

Kadar inflasi berdasarkan Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah 3.2 peratus untuk tahun 2014 dan 2.1 peratus untuk 2015 serta 2016. Jika dikira purata mudah kadar inflasi untuk tiga tahun tersebut adalah 2.5 peratus. Ini bermakna untuk tiga tahun tersebut kadar peningkatan pendapatan isi rumah adalah lebih besar dari kadar peningkatan harga barangan dan perkhidmatan. Dengan kata lain, kadar peningkatan pendapatan isi rumah benar adalah 3.7 peratus setahun untuk tempoh tiga tahun tersebut.

Justeru, mengikut statistik pendapatan isi rumah dan kadar inflasi, isu peningkatan kos sara hidup seolah-olah tidak benar. Namun kesimpulan tersebut adalah kurang tepat kerana corak perbelanjaan masyarakat telah berubah mengikut pembangunan sosioekonomi. Perubahan tersebut tidak semestinya sebagai pilihan gaya hidup. Malah masyarakat tiada pilihan tetapi terpaksa mengikut arus pembangunan. Umpamanya, penggunaan kenderaan sendiri bukan lagi sebagai barang mewah tetapi sudah menjadi keperluan.

Walaupun pelarasan corak perbelanjaan mungkin terkandung di dalam pengiraan IHP, namun ianya kurang berkesan untuk mengambil kira perubahan corak perbelanjaan rakyat jelata. Ini kerana pembangunan pesat yang dilalui oleh Malaysia membuatkan masyarakat turut berubah dengan cepat. Maka ringkasnya, bolehlah disimpulkan bahawa purata isi rumah rakyat Malaysia memang menghadapi tekanan peningkatan kos sara hidup.

Jelas, satu-satunya jalan penyelesaian terhadap isu peningkatan kos sara hidup adalah dengan peningkatan pendapatan isi rumah. Walaupun peningkatan sudah berlaku dengan agak tinggi dan melampaui kadar inflasi saban tahun, namun ianya berdasarkan asas pendapatan isi rumah yang rendah. Pendapatan isi rumah perlu

ditingkatkan dengan lebih tinggi bagi mengimbangi perubahan corak cara hidup. Apakah langkah yang boleh diambil melalui Bajet 2018 untuk meningkatkan pendapatan isi rumah?

Sumber utama pendapatan isi rumah adalah gaji dan upah. Kadar gaji dan upah adalah ditentukan di dalam pasaran buruh berdasarkan permintaan dan penawaran. Kadar keseimbangan gaji dan upah akan meningkat dengan peningkatan modal atau pelaburan di dalam ekonomi serta pembangunan teknologi. Peningkatan modal dan pembangunan teknologi menyumbangkan kepada peningkatan produktiviti. Ini merupakan kunci kepada peningkatan kadar gaji dan upah.

Peningkatan produktiviti memerlukan perancangan jangka panjang berterusan. Untuk Bajet 2018, peningkatan pendapatan isi rumah dan pada masa yang sama meningkatkan produktiviti buruh boleh menjadi satu strategi yang penting. Kuncinya adalah dengan menggalakkan orang bekerja dengan lebih kuat sambil menggalakkan industri meningkatkan pelaburan dan pembangunan teknologi. Antara kaedah yang boleh dilakukan adalah melalui peningkatan gaji minimum. Apabila gaji minimum meningkat, produktiviti akan turut meningkat kerana industri terpaksa meningkatkan keupayaan teknologi mereka. Namun ini memerlukan semakan dasar gaji minimum. Gaji penjawat awam juga perlu disemak. Namun pada masa yang sama, kecekapan institusi dan produktiviti juga perlu ditingkatkan.

Antara tindakan segera yang boleh diambil melalui Bajet 2018 adalah pemotongan cukai pendapatan supaya pendapatan isi rumah boleh guna meningkat sambil menggalakkan orang bekerja lebih kuat. Cukai korporat juga perlu dikurangkan sebagai insentif untuk peningkatan produktiviti syarikat korporat. Satu kaedah yang boleh difikirkan adalah penjimatan cukai korporat disalurkan kepada peningkatan upah pekerja dan pada masa yang sama menggalakkan peningkatan produktiviti.

Sementara itu, untuk skim bayaran pemindahan kerajaan sedia ada seperti BR1M mungkin perlu disemak semula supaya pemberiannya mempunyai elemen peningkatan produktiviti. Umpamanya, individu yang menerima bayaran pemindahan kerajaan seperti ini perlu menyumbangkan sesuatu supaya mereka turut memberi sumbangan

kepada peningkatan pengeluaran negara. Latihan tertentu mungkin boleh diberi dan kejayaan latihan tersebut dijadikan syarat untuk terus menikmati skim-skim berkenaan.